# Kes Adib: Polis tunggu arahan Peguam Negara

BH ONLINE | Khamis, 3 Oktober 2019 | 11:20am




Polis masih menunggu arahan lanjut daripada Peguam Negara berhubung siasatan kes kematian Muhammad Adib. - Arkib NSTP

PUTRAJAYA: Polis masih menunggu arahan lanjut daripada Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas berhubung siasatan kes kematian anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat, Muhammad Adib Mohd Kassim.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador, berkata pihaknya setakat ini masih belum menerima arahan lanjut.

"Kami belum menerima (arahan) rasmi. Jadi, apabila kita menerimanya, kita akan menyemaknya dan lihat apa yang akan kita lakukan," katanya.

Beliau ditemui pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) yang disempurnakan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di sini, hari ini.




Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyerahkan buku kepada Datuk Seri Abdul Hamid Bador pada Majlis Pelancaran Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) di Putrajaya, hari ini. - NSTP/Ahmad Irham Mohd Noor